

PENDUDUKAN JEPUN (1942-43) & THAI
(1943-45) DI KELANTAN.
KESAN KE ATAS MASYARAKAT MELAYU.

OLEH
WAN NORAINI BT. WAN AHMAD

LATIHAN ILMIAH
BAHAGIAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
1985/86

Istimewa

buat Ayah, Bonda dan Keluarga
yang selalu mendoakan kejayaanku
jua buat teman-teman seperjuangan
terima kasih atas dorongan kelian
semoga segala perjuanganku
diberkati Allah hendaknya

Istimewa

buat Ayah, Bonda dan Keluarga
yang selalu mendoakan kejayaanku
jua buat teman-teman seperjuangan
terima kasih atas dorongan kelian
semoga segala perjuanganku
diberkati Allah hendaknya

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan berkat limpah dan kurniaNya, penulis telah berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah untuk keperluan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan ini. Dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini, penulis mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa pihak dan individu yang telah memberi bantuan dan kerjasama kepada penulis ketika menjalankan penyelidikan dan kajian untuk latihan Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan terutama kepada Penyelia Latihan Ilmiah ini iaitu Dr. Yuen Choy Leng di dalam usahanya memberi garisan panduan dan tunjuk ajar serta dorongan kepada penulis di dalam menjayakan Latihan Ilmiah ini.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam, Kota Bharu, Kelantan kerana kerjasama yang diberikan kepada penulis di dalam membuat penyelidikan.

Akhir sekali penulis juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu yang telah penulis membuat temubual dan di atas kerjasama mereka amat dihargai. Penulis juga tidak ketinggalan ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibubapa dan keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi perangsang dan dorongan kepada penulis di dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Sekian terima kasih.

Wan Noraini bt. Wan Ahmad
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
Februari, 1986.

SINOPSIS

Dalam membuat kajian Latihan Ilmiah yang berkenaan dengan pendudukan Jepun (1942-43) & Thai (1943-45) Di Kelantan : Kesan Ke Atas Masyarakat Melayu ini adalah merangkumi empat bab kesemuanya.

Pada bab pertama penulis menerangkan tentang penyerangan tentera Jepun di Tanah Melayu. Dalam peristiwa penyerangan tentera Jepun ini. Negeri Kelantan adalah negeri yang pertama dalam rancangan Jepun menakluki seluruh Tanah Melayu. Juga diterangkan bagaimana keadaan dan suasana penduduk tempatan dalam menghadapi peperangan di Kelantan. Di samping itu diterangkan secara ringkas tentang pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu sebaik sahaja pihak Jepun berjaya menduduki Tanah Melayu. Kemudian terdapat peristiwa penyerahan Negeri-negeri Melayu Utara kepada pihak Tentera Thai.

Di dalam bab kedua ini akan dibincangkan tentang pentadbiran tentera Jepun di Kelantan. Pihak Jepun telah menyerahkan pentadbiran peringkat tempatan kepada orang-orang Melayu. Di sini dibincangkan tentang peranan orang-orang Melayu dalam pentadbiran. Dalam masa Thai, pentadbiran negeri Kelantan diserahkan kepada orang-orang Melayu untuk mentadbirkan sendiri negeri ini. Kesan dari peluang yang diberikan kepada pegawai-pegawai Melayu timbul kesedaran semasa Inggeris datang memperkenalkan rancangan Malayan Union ini. Akibatnya orang-orang Melayu telah menentanginya kerana sudah tiba masanya negeri ini diperintah sendiri oleh orang Melayu.

Bab tiga penulis akan membincangkan kesan dari dasar Jepun di Tanah Melayu telah mengakibatkan masalah kekurangan bahan-bahan makanan dan keperluan harian. Masalah kekurangan makanan menyebabkan orang-orang Melayu menderita kelaparan akibat dari penyelewengan dari orang Jepun dan juga orang Melayu sendiri. Tetapi dari pemerhatian yang sebenarnya ada setengah orang Melayu boleh hidup senang kerana

bagi mereka yang ada tanah boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti biasa tambahan pula, makanan yang ada sebelum ini mencukupi untuk dimakan dalam masa pendudukan Jepun dan Thai. Penulis tidak menafikan adanya penderitaan akibat penyelewengan dari orang Jepun dan orang Melayu sendiri kerana merampas hasil makanan daripada penduduk.

Bab keempat penulis cuba menerangkan rancangan pihak Jepun dan Thai dalam memperkenalkan pelajaran masing-masing iaitu pelajaran bahasa Jepun dan bahasa Thai. Dalam hal ini orang-orang Melayu menerima pelajaran berkenaan tetapi disebabkan jangkamasa yang pendek pelajaran bahasa Jepun dan Thai tidak berkesan. Tambahan pula penduduk sempat mempelajari bahasa Jepun dan Thai secara tidak menyeluruh hanya tujuan untuk percakapan dan kegunaan harian. Sedangkan bahasa Melayu masih digunakan oleh orang Melayu. Begitu juga dalam masa Thai, pelajaran bahasa Inggeris masih diteruskan.

Di dalam bab kelima penulis akan membincangkan tentang kegiatan politik dalam masa pendudukan Jepun dan Thai. Dalam hal ini telah ditumpukan kepada peranan yang dimainkan oleh Kesatuan Melayu Muda dan Barisan Buruh Sukarela. Perjuangan mereka ialah untuk mendapat kemerdekaan melalui Indonesiaraya. Tetapi kedua-dua pertubuhan ini tidak berjaya mencapai cita-cita mereka kerana pihak Jepun telah menyerah kalah. Akibat dari galakkan pihak Jepun dalam kegiatan politik itu telah memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk mendapat kemerdekaan semasa Inggeris datang memperkenalkan rancangan Malayan Union timbul penentang orang-orang Melayu kerana orang Melayu tidak mahu kehilangan hak mereka di tanahair sendiri dan seharusnya diperintah oleh orang-orang Melayu.

Di dalam bab terakhir, penulis akan membuat penilaian tentang kejayaan dan kegagalan kedua-dua pemerintah Jepun dan Thai di Kelantan dari segi pentadbiran, ekonomi, politik dan sosial.

Dari pengalaman orang-orang Melayu semasa pendudukan Jepun dan Thai ini pengalaman yang sukar dilupakan tentang keadaan kehidupan yang susah kerana kekurangan makanan menimbulkan timbul kesedaran untuk lebih kuat berusaha dalam mengatasi masalah ini. Dari segi politik timbul kesedaran untuk menentang penjajah selepas pendudukan Jepun walaupun kesedaran ini timbul di kalangan golongan yang berpendidikan. Manakala dari segi pelajaran bahasa Jepun dan Thai tidak berkesan cuma dapat mempelajari beberapa patah perkataan bahasa Jepun dan Thai sahaja.